

**AKTIVITI DAKWAH JAKIM TERHADAP
MASYARAKAT ORANG ASLI: PELAKSANAAN DAN CABARANNYA**

Jamilah binti Mohd Zain¹, Engku Ahmad Zaki bin Engku Alw²

ABSTRACT

This research paper observes the implementation of dakwah activities by JAKIM and their acceptance by the indigenous people in the state of Terengganu. This research also focuses on the extent of understanding and practising Islam in their everyday lives. It is essential to conduct this research to determine that JAKIM's dakwah activities for the indigenous people thus far have been successful. This research is carried out qualitatively using two methods of data collection; field study and document study. For the field study, the writers use interviews and observations during their visits and involvements in the indigenous people's activities to obtain accurate facts. For the document study, information is gathered from documents such as annual reports, minutes of meeting, project papers, calendars provided by JAKIM to help enhance the findings of the research. The findings of this research prove that JAKIM has contributed significantly in dakwah activities to the indigenous people. Even though JAKIM has been successful in its mission, there are still some weaknesses and challenges that need to be considered. As a whole, despite the many dakwah activities done by JAKIM, the indigenous people's response and appreciation of the teachings of Islam are still poor.

ABSTRAK

Kajian ini adalah bertujuan melihat aktiviti atau program dakwah yang dilaksanakan oleh JAKIM kepada masyarakat Orang Asli di samping mengkaji apakah cabaran-cabaran yang dihadapi oleh JAKIM dalam usaha berdakwah kepada golongan tersebut. Kajian ini adalah penting untuk memastikan aktiviti dakwah JAKIM kepada masyarakat Orang Asli selama ini telah mencapai matlamat sepenuhnya. Bagi mencapai tujuan tersebut, penulis telah menggunakan dua kaedah utama pengumpulan data iaitu kajian lapangan dan kajian dokumen. Dalam kajian lapangan penulis menggunakan metode temu bual dan pemerhatian serta melalui sesi lawatan atau penyertaan bersama mereka dalam aktiviti yang dijalankan supaya maklumat yang diperolehi lebih tepat. Begitu juga pencarian maklumat diperolehi daripada dokumen yang disediakan oleh pihak JAKIM seperti laporan tahunan, minit mesyuarat, kertas kerja, senarai takwim dan lain-lain untuk lebih memantapkan lagi hasil kajian ini. Hasil daripada kajian ini, penulis mendapati telah banyak aktiviti atau program yang dilaksanakan oleh pihak JAKIM terhadap golongan sasaran. Secara keseluruhannya dapat dibuat kesimpulan bahawa walaupun aktiviti dakwah kepada masyarakat Orang Asli telah banyak dilakukan oleh JAKIM, namun sambutan dan penghayatan mereka kepada ajaran Islam masih lagi lemah dan berada di tahap yang rendah.

Kata Kunci : Aktiviti Dakwah, JAKIM, Orang Asli, Cabaran

¹ Penolong Pengarah Institut Latihan Islam Malaysia, Besut, Terengganu, dmilla2002@gmail.com

² Profesor Pusat Pengajian Usuluddin, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21200 Kuala Nerus, Terengganu, drkuzaki@unisza.edu.my

PENDAHULUAN

Kehidupan masyarakat Orang Asli yang jauh ketinggalan dalam semua bidang, memerlukan mereka ini dibantu dan diberi perhatian yang bersungguh-sungguh di samping meninggikan taraf hidup mereka serta memperkenalkan ajaran Islam di kalangan mereka. Bangsa ini bukan sahaja memerlukan bimbingan secara terus, malah selama ini bangsa ini yang telah berevolusi lebih lama daripada bangsa Melayu memerhati dan menilai orang Melayu dengan imej Islamnya. Ditambah lagi dengan pegangan tipikal animisme yang telah diwarisi turun temurun menjadikan masyarakat ini berada dalam dilema antara menukar cara hidup mereka secara total atau menerima Islam yang masih bercampur baur dengan amalan animisme. Oleh yang demikian dakwah kepada masyarakat ini adalah terlalu mencabar bagi umat Islam terutamanya di Malaysia dan pendekatan atau metodologi dakwah kepada masyarakat ini perlu sesuai dengan keadaan mereka tetapi berkesan (Razaleigh Muhamat @ Kawangit 2003: 65-66).

Pada masa kini, banyak pertubuhan dakwah sama ada badan kerajaan mahupun bukan kerajaan yang memberi sumbangan kepada masyarakat Orang Asli antaranya Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN), Pertubuhan Islam Malaysia Kebangsaan (PERKIM), Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dan seumpamanya yang menjadikan masyarakat Orang Asli sebagai sasaran dalam agenda dakwah mereka. Pertubuhan-pertubuhan tersebut telah merancang dan mengadakan pelbagai program bagi memastikan masyarakat Orang Asli tidak ketinggalan dalam aspek agama, sosial dan ekonomi. Di samping itu setiap program yang dirancang perlulah bersesuaian dan bertepatan dengan tahap penerimaan golongan sasaran (Ruhiah Abd.Rahman 2004: 1-2).

Berdasarkan bancian JAKOA pada tahun 2010, penduduk Orang Asli di seluruh Malaysia adalah berjumlah 178,197 orang (JAKOA 2011) yang terdiri daripada 18 suku kaum. Tiap-tiap kaum mempunyai bahasa yang tersendiri, bagaimanapun Bahasa Melayu menjadi bahasa perantaraan bagi semua kaum Orang Asli. Kebanyakan mereka menganut fahaman 'Animisme' dan percaya kepada 'Semangat'. Namun demikian, perkembangan mutakhir terhadap corak kehidupan masyarakat ini telah mengalami perubahan. Mereka sudah mula menerima agama Islam, Kristian, Bahai dan Budha sebagai pegangan hidup (Mohamad Mohadis Yasin 2005: 254). Golongan beragama adalah golongan yang telah didatangi dengan penyebar-penyebar agama atau mereka terpengaruh dengan cara hidup masyarakat sekeliling perkampungan mereka. Manakala golongan yang menganut animisme pula mereka yang mewarisinya dari satu generasi ke generasi (Razaleigh bin Muhamat @ Kawangit 2003: 68).

Data JAKOA pada tahun 2010 menunjukkan dari segi pola beragama, masyarakat Orang Asli yang menganut Animisma seramai 58,043 orang (33%), Islam seramai 35,975 orang (20%), Kristian seramai 17,351 orang (9.8%), lain-lain agama iaitu Budha seramai 1,024 orang (0.6%), Bahai seramai 5,071 orang (2.8%), Hindu seramai 261 orang (0.1%) dan Agama Suku Adat seramai 14,975 orang (8.4%). Manakala Orang Asli yang tiada agama seramai 42,757 orang (24%) dan lain-lain adalah seramai 2,740 orang (1.5%) (JAKOA. 2011).

JADUAL 1: Komposisi Agama Masyarakat Orang Asli Di Malaysia

Bilangan		Agama Peratus (%)
Animisma	58,043	33
Islam	35,975	20
Kristian	17,351	9.8
Budha	1,024	0.6
Bahai	5,071	2.8
Hindu	261	0.1
Agama Suku Adat	14,975	8.4
Orang Asli Tiada Agama	42,757	24
Lain-lain	2,740	1.5
Jumlah	178,197	100

Sumber: JAKOA. 2011

Berdasarkan data tersebut, tanggungjawab berdakwah kepada golongan ini masih jauh dan usaha-usaha berdakwah kepada mereka perlu dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Menyedari hakikat ini, JAKIM di bawah Cawangan Dakwah Khas Orang Asli telah bertindak sebagai penyelarasan kepada semua aktiviti-aktiviti dakwah kepada masyarakat Orang Asli di seluruh Malaysia. JAKIM telah memainkan peranan penting untuk bersama-sama menggembeleng usaha dan tenaga dalam melatih, mendidik serta mentarbiah dalam aspek pendidikan keagamaan dan penerapan nilai-nilai Islam bagi membantu masyarakat Orang Asli mengenali agama Islam dengan lebih dekat supaya dapat memantapkan lagi penghayatan Islam dalam diri mereka dan seterusnya mampu menjalani kehidupan Muslim dalam erti kata yang sebenarnya (JAKIM. Pelan Strategik 2009-2014: 2).

SEJARAH PENUBUHAN DAN LATARBELAKANG JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia atau nama ringkasnya JAKIM adalah sebuah institusi agama di Peringkat Persekutuan. Kewujudan JAKIM adalah bagi memenuhi aspirasi rakyat dan negara untuk melihat kemajuan dan pembangunan ummah selaras dengan tuntutan Islam yang sebenar (Sambutan 35 Tahun JAKIM 2003: 3).

Penubuhan JAKIM dilihat sebagai salah satu *platform* dalam memenuhi keperluan masyarakat Islam seiring dengan perkembangan dan pembangunan negara yang menjadikan Islam sebagai agama rasmi (www.islam.gov.my/sejarah-jakim: 25 Ogos 2013) dan telah diiktiraf dalam Perlembagaan Persekutuan Perkara 3 (1) yang jelas memperuntukkan bahawa agama Islam adalah agama bagi Persekutuan (Laporan Tahunan JAKIM 2011: 13).

Bagi menjamin keseragaman dan keberkesanan pentadbiran agama di setiap negeri, Majlis Raja-raja dalam persidangannya kali ke-81, pada 17 Oktober 1968, telah bersetuju menubuhkan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia Barat. Penubuhan Urusetia Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) terbentuk pada 1 Julai 1969. Majlis ini kemudiannya ditukar nama kepada Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia pada 17 Jun 1971 apabila Sabah dan Sarawak menjadi ahli (4 Dekad JAKIM 2012: 14-16).

Pada 1 Februari 1974 apabila terbentuknya Wilayah Persekutuan, tugas urusetia MKI semakin berkembang dengan itu, Urusetia MKI telah dinaikkan tarafnya menjadi Bahagian Ugama, Jabatan Perdana Menteri. Pada tahun itu juga struktur bahagian Dakwah yang telah ditukarkan nama kepada Institut Dakwah dan Latihan Islam (INDAH) disusun semula (4 Dekad JAKIM 2012: 27).

Kemudiannya, mulai 1 Januari 1984 struktur organisasi Bahagian Ugama, Jabatan Perdana Menteri disusun semula dan diperbesarkan dengan menambah bilangan unit dan menaikkan taraf jawatan ketua-ketua bahagian, cawangan dan unit. Lanjutan daripada itu pada 21 Mei 1985, nama Bahagian Ugama, Jabatan Perdana Menteri telah ditukar kepada Bahagian Hal Ehwal Islam (BAHEIS), Jabatan Perdana Menteri berdasarkan kepada pertambahan tanggungjawab dan perluasan bidang tugas selepas Kerajaan Negeri Sabah menyerahkan tiga pusat latihan dakwahnya iaitu di Kudat, Kundasang dan Keningau untuk ditadbir oleh Kerajaan Persekutuan pada 21 Mei 1984 (4 Dekad JAKIM 2012: 34).

Selaras dengan perkembangan negara dan keperluan masyarakat Islam semasa, mesyuarat Jawatankuasa Kemajuan Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (JKI) kali ke-24 pada 24 Jun 1995 telah bersetuju menubuhkan Jawatankuasa petugas menyusun semula fungsi dan organisasi BAHEIS, Jabatan Perdana Menteri. Ekoran daripada hasil kajian tersebut, Jawatankuasa Petugas berkenaan telah memperakukan kepada Kerajaan supaya fungsi BAHEIS dirombak dan struktur baru diwujudkan. Akhirnya pada 1 Januari 1997, BAHEIS telah dipertingkatkan lagi dengan pentadbiran baru menjadi sebuah jabatan penuh dengan nama barunya Jabatan Kemajuan Islam Malaysia atau JAKIM sebagaimana dikenali sekarang ini (4 Dekad JAKIM 2012: 35).

VISI, MISI, OBJEKTIF DAN FUNGSI JAKIM

Memandangkan tanggungjawab yang diamanahkan amat besar, maka JAKIM telah merangka dan menyusun beberapa langkah penting bagi membolehkannya memainkan peranan membangun dan memajukan masyarakat Islam di negara ini. Antara langkah yang dilakukan adalah menentukan visi, misi, objektif dan fungsi yang perlu dilaksanakan. Dalam hal ini JAKIM telah menetapkan visinya iaitu "Peneraju Dalam Membina Ketamadunan Ummah Yang Unggul". Manakala Misi JAKIM pula adalah "Mewujudkan Pengurusan Hal Ehwal Islam Yang Cekap Dan Berkesan". Antara objektif-objektif yang digariskan oleh JAKIM ialah : (4 Dekad JAKIM 2012: 5).

- (i) Memastikan ajaran Islam tersebar luas kepada seluruh masyarakat;

- (ii) Membentuk kepimpinan yang berwibawa dan melahirkan tenaga pengurusan yang terlatih, berketrampilan, dedikasi dan berhikmah; dan
- (iii) Menghasilkan sistem pengurusan yang berteraskan nilai dan etika Islam.

Manakala tiga (3) teras utama fungsi JAKIM berdasarkan Arahan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Bilangan 1 Tahun 1989 adalah sebagaimana berikut: (Pelan Strategik JAKIM 2009: 10-11).

- (i) Penggubalan Dan Penyeragaman Undang-undang Syarak
- (ii) Penyelarasan Pentadbiran Islam
- (iii) Penyelarasan Dan Pembangunan Pendidikan Islam

BAHAGIAN-BAHAGIAN DI JAKIM

Bagi memantapkan pengurusan dan menghasilkan gerak kerja yang lebih efisien, JAKIM dibahagikan kepada 4 sektor utama: (Laporan Tahunan JAKIM 2012: 8 - 9).

- 1) Sektor Dasar terdiri daripada 5 bahagian iaitu:
 - (i) Bahagian Perancangan dan Penyelidikan
 - (ii) Bahagian Kemajuan Islam
 - (iii) Bahagian Pengurusan Fatwa
 - (iv) Bahagian Penyelarasan Undang-Undang
 - (v) Bahagian Perhubungan
- 2) Sektor Pembangunan Insan terdiri daripada 5 bahagian iaitu:
 - (i) Bahagian Dakwah
 - (ii) Bahagian Pembangunan Insan
 - (iii) Bahagian Media
 - (iv) Bahagian Keluarga, Sosial dan Komuniti
 - (v) Bahagian Penerbitan
- 3) Sektor Pengurusan terdiri daripada 4 bahagian iaitu:
 - (i) Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
 - (ii) Bahagian Kewangan & Pembangunan
 - (iii) Bahagian Pengurusan Maklumat
 - (iv) Bahagian Khidmat Pengurusan
- 4) Sektor Di Bawah Pejabat Ketua Pengarah iaitu Penasihat Undang-undang dan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, termasuk juga Darul Quran, Institut Latihan Islam Malaysia, Hab Halal, JAKIM Cawangan Sabah dan juga JAKIM Cawangan Sarawak. Sektor-sektor ini telah membentuk dua puluh satu bahagian dan kesemuanya bernaung di bawah JAKIM.

SEJARAH PENUBUHAN BAHAGIAN DAKWAH JAKIM

Bahagian Dakwah telah ditubuhkan pada 1 Januari 1997. Sebelum itu ianya dikenali sebagai Institut Dakwah dan Latihan Islam (INDAH), Bahagian Ugama Jabatan Perdana Menteri. Institut tersebut ditubuhkan pada *Rabiul Awwal 1394H* bersamaan bulan April 1974 hasil daripada keputusan mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) kali ke-6 pada 16 Disember 1971. Penubuhan institut tersebut adalah bagi memenuhi hasrat dan cita-cita umat Islam di negara ini yang ingin melihat wujudnya sebuah Institut Dakwah yang bertanggungjawab melaksanakan kegiatan dakwah di peringkat pusat (4 Dekad JAKIM 2012: 156). Selaras dengan keperluan semasa, organisasi INDAH telah berkembang dengan proses pembesaran dari segi penambahan pegawai, aktiviti dan penubuhan Unit INDAH di Sabah dan Sarawak pada tahun 1977. Mulai 1 Mei, 1984 ditubuhkan Unit Pengurusan dan Penyelarasan Dakwah selaras dengan pembesaran organisasi BAHEIS, Jabatan Perdana Menteri. Tujuannya adalah untuk menghayati konsep dakwah Islamiah yang menjadikan Islam sebagai ad-Din dan mendokong cita-cita dakwah bagi mencapai rahmat Allah di dunia dan keredhaan-Nya di akhirat (www.islam.gov.my/bhg/bahagian-dakwah/main: 25 Ogos 2013).

Maka bermula pada 1 Januari 1997, selaras dengan pembesaran fungsi BAHEIS kepada JAKIM, maka INDAH turut bertukar daripada cawangan kepada Bahagian Dakwah, manakala Unit Kursus dan Latihan yang dahulunya di bawah Cawangan Dakwah telah diperbesarkan fungsinya menjadi Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) dan Bahagian Latihan (www.islam.gov.my/bhg/bahagian-dakwah/main: 25 Ogos 2013).

VISI, MISI, OBJEKTIF DAN FUNGSI DI BAHAGIAN DAKWAH JAKIM

Bahagian Dakwah merupakan salah satu daripada bahagian yang terdapat di bawah Sektor Pembangunan Insan. Visi Bahagian Dakwah adalah “Berperanan Dalam Menguruskan Hal Ehwal Dakwah Bagi Melahirkan Ummah Sejahtera Berteraskan Ajaran Islam”. Manakala Misi bahagian ini pula adalah “Menguruskan Hal Ehwal Islam Secara Efisien Untuk Kesejahteraan Ummah” (www.islam.gov.my/senarai-cawangan-dan-bahagian-di-jakim: 25 Ogos 2013).

Objektif Bahagian Dakwah ialah untuk “Menyebarkan dan Memantapkan Ajaran Islam kepada Masyarakat Islam dari segi Akidah, Syariah dan Akhlak”. Manakala fungsinya pula adalah “Merancang, Menyelaraskan dan Memantau Program Dakwah di Malaysia” (www.islam.gov.my/senarai-cawangan-dan-bahagian-di-jakim: 25 Ogos 2013).

Pada masa kini Bahagian Dakwah mengandungi tiga (3) cawangan iaitu Cawangan Dakwah Khas (termasuk Dakwah Orang Asli dan Dakwah Saudara Muslim), Cawangan Pengembangan dan Cawangan Pemurnian. Antara fungsi cawangan-cawangan di Bahagian Dakwah JAKIM adalah seperti berikut: (Laporan Taklimat Pengarah Bahagian Dakwah Khas JAKIM 2012).

- (i) Mengadakan kursus, seminar, muzakarah, taklimat dan bengkel untuk memberi kefahaman dan memantapkan penghayatan Islam kepada kakitangan kerajaan, swasta, pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA)/ Institusi Pengajian Tinggi Swasta

- (IPTS), belia/remaja, Saudara Kita (Muallaf), Orang Asli, bekas pengamal ajaran sesat dan masyarakat umum.
- (ii) Penyelarasan pelaksanaan Pengukuhan Integriti Perkhidmatan Awam (PIPA) kepada pegawai/kakitangan awam.
 - (iii) Memenuhi ceramah jemputan dan kelas pengajian Penerapan Nilai-Nilai Islam (PNI) kepada pegawai dan kakitangan kerajaan dan swasta.
 - (iv) Menyelesaikan kemusykilan agama melalui internet dan telefon, kaunseling bersemuka serta surat menyurat.
 - (v) Mengadakan program ziarah dan pengenalan Islam kepada masyarakat Orang Asli dan lain-lain bangsa.
 - (vi) Mengadakan program dakwah *bil hal* bagi memupuk persaudaraan di kalangan orang kurang upaya, warga tua, pesakit hospital dan anak yatim.

CAWANGAN DAKWAH KHAS JAKIM

Dakwah Islamiah kepada Orang Asli merupakan salah satu aktiviti utama JAKIM. Sehubungan dengan tanggungjawab ini, Cawangan Dakwah Orang Asli (DOA) di bahagian Dakwah JAKIM telah ditubuhkan. Cawangan ini ditubuhkan hasil daripada mesyuarat Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam Malaysia dalam persidangan kali ke-19 pada 22 April 1991 yang telah meluluskan penubuhan cawangan tersebut (Mohamad Mohadis Yasin. 2005: 258-259).

Objektif cawangan DOA ini adalah untuk menyelaras semua rancangan, program dan aktiviti dakwah Islamiah kepada masyarakat Orang Asli seluruh Semenanjung Malaysia di samping memberi sokongan moral dan material kepada Badan-badan Dakwah Kerajaan dan persendirian yang terlibat dengan aktiviti-aktiviti dakwah kepada masyarakat Orang Asli. Selain itu cawangan DOA juga bertanggungjawab dalam mempertingkatkan kualiti dan usaha-usaha dakwah yang dijalankan di kalangan masyarakat Orang Asli dan juga mengawal aktiviti dakwah yang dijalankan kepada mereka serta untuk mendapatkan laporan kemajuan aktiviti dakwah yang dijalankan oleh badan-badan dakwah dari semasa ke semasa (Nordin Ahmad: 2008).

FUNGSI CAWANGAN DAKWAH KHAS ORANG ASLI

Bagi memantapkan lagi tugas-tugas dakwah kepada masyarakat Orang Asli, cawangan DOA kemudiannya telah bertukar nama kepada Cawangan Dakwah Khas Orang Asli. Cawangan ini berfungsi antara lainnya ialah: (Temu bual Ustaz Hashim bin Salleh. 2014).

JADUAL 2: Cawangan Dakwah Khas Orang Asli dan fungsinya

UNIT	FUNGSI
Cawangan Dakwah	
Khas Orang Asli	<ul style="list-style-type: none"> i) Menyelaras aktiviti-aktiviti dakwah dan kefahaman kepada Orang Asli. ii) Menyelaras dan menyelia aktiviti Penggerak Masyarakat Orang Asli di seluruh Malaysia. iii) Menyelaras pemantauan dakwah Orang Asli. iv) Menyelaras aktiviti pengislaman Orang Asli. v) Menyelaras program dakwah dengan agensi-agensi lain yang berkaitan. vii) Menyelaras hal-hal berkaitan kebajikan Orang Asli.

Sumber : (Temu bual Ustaz Hashim bin Salleh. 2014)

Ekoran dari penubuhan Cawangan Dakwah Khas ini dan demi melaksanakan usaha dakwah kepada masyarakat Orang Asli dengan lebih pesat, maka beberapa mekanisme atau pendekatan berdakwah telah digunakan iaitu: (Temu bual Ustaz Hashim bin Salleh. 2014).

- (i) Melaksanakan dakwah *bil hal* iaitu melalui contoh teladan, pergaulan dan ramah mesra.
- (ii) Menempatkan PMOA tinggal bersama Orang Asli di mana-mana perkampungan yang terdapat kemudahan tempat tinggal.
- (iii) Memberi kefahaman Islam kepada Orang Asli dengan melaksanakan program-program seperti kelas Fardu Ain dan kelas-kelas pengajaran yang lain.
- (iv) Menjaga kebajikan mereka dari aspek ilmu, pengetahuan, ekonomi, sosial, kesihatan dan keperluan-keperluan lain.

Dalam pada itu, sejumlah 306 orang PMOA telah diluluskan pelantikannya secara kontrak dan akan ditempatkan di perkampungan Orang Asli dalam tempoh tertentu sebagai pendakwah untuk memberi tunjuk ajar dalam berbagai perkara demi memajukan masyarakat tersebut serta memberi pengajaran agama kepada mereka yang telah memeluk agama Islam (JAKIM. Buku Cenderamata, Sambutan 35 Tahun. 2003: 54; Syed Abdurrahman bin Syed Hussin. 2010: 159) di samping menjaga keperluan dan kebajikan masyarakat Orang Asli tanpa mengira bangsa dan agama (D.O.A. 1994: 8).

Daripada jumlah tersebut, pengambilan pertama PMOA telah dilakukan pada Mei 1993 dengan 63 orang PMOA. Manakala pengambilan ke dua diadakan pada bulan Jun 1993 dengan

jumlah 79 orang. Sehingga bulan Oktober 1997 seramai 128 orang yang telah dilantik sebagai PMOA, dan sehingga tahun 2014 pula jumlah PMOA di seluruh Semenanjung Malaysia termasuk di Sabah dan Sarawak adalah seramai 230 orang (Temu bual Ustaz Hashim bin Salleh. 2014).

PELAKSANAAN AKTIVITI DAKWAH JAKIM TERHADAP MASYARAKAT ORANG ASLI

Dalam rangka menyampaikan dakwah kepada masyarakat Orang Asli, JAKIM melalui Cawangan Dakwah Khas telah menganjurkan pelbagai aktiviti dan program khusus pada setiap tahun bagi mendekati sasaran dakwah dari kelompok ini.

(1) Muzakarah Penggerak Masyarakat Orang Asli

JAKIM telah mengadakan Program Muzakarah Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA) bersama Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Insan, bagi Tahun 2012 pada 14 hingga 16 Mac 2012 di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) Bangi, Selangor. Program yang diadakan selama 3 hari 2 malam ini telah melibatkan seramai 190 orang peserta PMOA seluruh Malaysia untuk diberi latihan dan pendedahan bagi mengendalikan aktiviti dakwah, keagamaan di perkampungan Orang Asli di Semenanjung Malaysia (Laporan Tahunan JAKIM 2012: 42).

(2) Simposium Kepimpinan Tok Batin/ Penghulu Orang Asli Islam Peringkat Kebangsaan

Buat julung kalinya JAKIM dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia (JAKOA) telah mengadakan Program Simposium kepimpinan Tok Batin/ Penghulu Orang Asli Islam Peringkat kebangsaan bertempat di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) Bangi, Selangor pada 20 hingga 22 Mei 2012. Seramai 120 orang peserta terdiri daripada Tok Batin dan Penghulu Orang Asli Islam di seluruh Malaysia telah menyertai simposium tersebut (Laporan Tahunan JAKIM 2012: 42).

(3) Jelajah Korban Aidiladha di perkampungan Orang Asli Negeri Johor, Pahang dan Kelantan

Program Jelajah Korban Aidiladha di perkampungan Orang Asli adalah merupakan program yang telah dirancang untuk dijadikan sebagai program tahunan JAKIM. Pada 26 hingga 29 Oktober 2012, Program Jelajah Korban Aidiladha di adakan di perkampungan Orang Asli Negeri Johor, Pahang dan Kelantan (Laporan Tahunan JAKIM 2012: 42).

(4) Kembara Mahabbah 2012

Pada 23 hingga 24 Jun 2012, JAKIM telah mengadakan Kembara Mahabbah 2012 bersama Timbalan ketua pengarah (Pembangunan Insan) JAKIM di kampung Orang Asli Sg. Temin Gerik, Perak Darul Ridzuan. Kampung Orang Asli Sg. Temin adalah antara kampung Orang Asli di negeri Perak yang menggunakan kenderaan air seperti bot sebagai pengangkutan utama (Laporan Tahunan JAKIM 2012: 43).

(5) Kursus Pemantapan Akidah dan Kefahaman Islam

Kursus Pemantapan Akidah dianjurkan bagi memberikan kefahaman dan memantapkan akidah golongan yang baru memeluk Islam di kalangan Saudara Muslim dan masyarakat Orang Asli. Pada tahun 2011 sebanyak 2 kali kursus pemantapan akidah dan kefahaman Islam telah dilaksanakan kepada golongan ini. Selain itu, diadakan juga kursus Belia Beliawanis Orang Asli sebanyak 1 kali, Kursus Metodologi Dakwah sebanyak 2 kali, Lawatan dan Kursus Jati Diri Saudara Muslim Negeri Terengganu sebanyak 1 kali dan Kursus Imam Saudara Baru Orang Asli sebanyak 1 kali (Laporan Tahunan JAKIM 2011: 45-46).

(6) Program Ziarah Dakwah dan Ramah Mesra.

Program Ziarah Dakwah dan Ramah Mesra ini dilaksanakan dengan tujuan untuk mendekati kelompok dakwah di kalangan masyarakat Orang Asli dan etnik bukan Islam yang lain melalui program ziarah dan ramah mesra yang lebih berbentuk dakwah *bil hal*. Melalui kaedah ini, mesej dan risalah Islam disampaikan dalam bentuk perlakuan yang menampilkan wajah Islam yang mesra dan mampu menawan hati sasaran kelompok. Pada tahun 2011 sebanyak 140 siri ziarah dakwah dan ramah mesra telah dilaksanakan kepada masyarakat Orang Asli, bukan Muslim dan Saudara Baru (Laporan Tahunan JAKIM 2011: 46).

(7) Program Ihya' Ramadan dan Sambutan Aidilfitri.

Program Ihya' Ramadan merupakan program yang dianjurkan untuk mengisi kehadiran bulan Ramadan dan mengimarhkannya dengan aktiviti dan ibadah bagi memberi pendedahan kepada Saudara Muslim di kalangan masyarakat Orang Asli dan etnik yang lain. Secara amnya program ini diisi dengan program berbuka puasa, tazkirah Ramadan serta solat tarawih secara berjemaah. Pada tahun 2011, sebanyak 54 siri program Ihya' Ramadan telah dilaksanakan kepada masyarakat Orang Asli dan Saudara Muslim dalam kalangan etnik-etnik yang lain (Laporan Tahunan JAKIM 2011: 46).

(8) Program Qurban.

Program Qurban dilaksanakan dengan tujuan untuk memberi pendedahan kepada Saudara Muslim dalam kalangan masyarakat Orang Asli tentang ibadah qurban dan signifikasinya dalam penghayatan ajaran Islam. Program ini dilaksanakan di kampung-kampung Orang Asli yang terpilih di setiap negeri. Pada tahun 2011, sebanyak 35 siri program qurban telah dilaksanakan kepada masyarakat Orang Asli (Laporan Tahunan JAKIM 2011: 46).

(9) Kelas Fardhu Ain.

Kelas Fardhu Ain merupakan program mingguan yang dilaksanakan oleh Penggerak Masyarakat Orang Asli yang ditugaskan di Perkampungan Orang Asli. Kelas ini bertujuan untuk memberikan maklumat berkenaan asas-asas fardhu ain kepada masyarakat Orang Asli yang memeluk Islam bagi membolehkan mereka memahami dan seterusnya mengamalkan ajaran

Islam yang mereka anuti. Bagi tahun 2011, sebanyak 8,080 siri kelas fardhu ain telah dilaksanakan (Laporan Tahunan JAKIM 2011: 46).

- (10) Ijtimak Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA) dan Konvensyen Penggerak Masyarakat.

Ijtimak PMOA merupakan program tahunan yang dilaksanakan khusus kepada para PMOA sebagai platform pertemuan antara PMOA dan bahagian Dakwah. Dalam Ijtimak ini dibincangkan pelbagai isu berkaitan tugas dan peranan PMOA supaya peranan mereka dapat dimantapkan lagi dari semasa ke semasa (Laporan Tahunan JAKIM 2011: 46).

- (11) Ekspedisi Kasih Ke Perkampungan Orang Asli.

Ekspedisi Kasih ke Perkampungan Orang Asli merupakan suatu program berbentuk kembara berkumpulan yang melibatkan JAKIM dan agensi-agensi lain yang berkaitan menggunakan kenderaan pacuan empat roda yang diketuai oleh Ketua Pengarah JAKIM. Ia bertujuan memberikan pendedahan kepada peserta ekspedisi tentang cara hidup Masyarakat Orang Asli serta memberi peluang untuk mendekati Masyarakat Orang Asli (Laporan Tahunan JAKIM 2011: 46).

Aktiviti-aktiviti dan program-program yang dijalankan oleh pihak JAKIM ini diharapkan dapat menarik minat mereka ke arah ajaran Islam seterusnya memberi lebih kesedaran atas tanggungjawab Muslim baru untuk menjalani kehidupan sebagai umat Islam yang terbaik.

CABARAN JAKIM DALAM MELAKSANAKAN AKTIVITI DAKWAH KEPADA MASYARAKAT ORANG ASLI

Mendidik, membimbing dan mentarbiah masyarakat Orang Asli sehingga memeluk Islam bukanlah suatu perkara yang mudah. Dalam usaha dakwah yang berterusan terhadap masyarakat Orang Asli di Malaysia, banyak cabaran dan halangan yang terpaksa di hadapi oleh JAKIM. Cabaran tersebut boleh dikategorikan kepada cabaran dalaman, cabaran dari luar dan cabaran golongan sasaran sendiri.

1. Cabaran Dalaman

- a) Kekurangan Sumber Kewangan

Bagi sesebuah institusi dakwah yang bergerak aktif dalam masyarakat, sumber kewangan merupakan aspek paling penting dalam menjayakan pelaksanaan aktiviti dakwah. Perkembangan semasa menunjukkan pertambahan penduduk Orang Asli di Malaysia yang kini melebihi jumlah 178,197 orang, di mana 35,975 orang daripada mereka telah memeluk Islam. Usaha dakwah kepada mereka perlu dipergiatkan bagi menarik lebih ramai golongan ini untuk menganut Islam. Oleh itu, program dan aktiviti terhadap masyarakat Orang Asli perlu diperhebatkan dengan pelbagai pendekatan yang sesuai. Sudah tentu keadaan sebegini

memerlukan perbelanjaan yang besar kerana perlu membawa peralatan dan barang-barang ke perkampungan, di samping menyediakan segala makan minum untuk keseluruhan anggota masyarakat di tempat program tersebut agar mereka semua dapat turut serta. Bahkan kadang-kadang terpaksa diberi suguhati dan pelbagai sumbangan lain sebagai ganti kepada masa mereka yang tidak keluar bekerja semata-mata menghadiri aktiviti yang dianjurkan (Temu bual Ustaz Hashim bin Salleh. 2014).

Begitu juga dengan penempatan golongan sasaran yang jauh di pedalaman dan kawasannya yang terlalu luas amat mencabar dan menyukarkan pergerakan pendakwah dari satu tempat ke satu tempat yang lain. Keadaan ini hanya membolehkan para pendakwah bergerak di sekitar tempat yang berdekatan dengan sasaran yang terbatas. Justeru kenderaan pacuan empat roda (4x4) bagi setiap negeri untuk kegunaan PMOA di seluruh Malaysia sangat-sangat diperlukan. Sehingga kini kenderaan pacuan empat roda masih tidak mencukupi kerana ketiadaan sumber kewangan (Kertas Kerja Cawangan Dakwah Khas JAKIM. 2012).

b) Kekurangan Pendakwah/ Tenaga Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA)

Memandangkan masyarakat Orang Asli yang memeluk Islam semakin bertambah, maka kerja-kerja dakwah di peringkat akar umbi perlu diteruskan dan diperhebatkan dari semasa ke semasa. Sehingga kini jumlah PMOA di seluruh Malaysia adalah seramai 230 orang, manakala jumlah perkampungan masyarakat Orang Asli adalah sebanyak 852 buah kampung, maka dengan ini sudah tentulah bilangan PMOA tidak mencukupi. Hal ini dibimbangi akan berlaku keadaan di mana, akidah dan iman golongan sasaran menjadi goyah dan mereka akan mudah terpedaya semula kepada ajaran nenek moyang mereka dan ancaman ajaran sesat dalam kalangan mereka di samping peningkatan persaingan daripada mubaligh Kristian. Oleh itu pelantikan penggerak masyarakat Orang Asli di seluruh negara perlu ditambah untuk memberi bimbingan agama, menjaga keperluan dan kebajikan golongan sasaran serta mempergiatkan aktiviti ziarah dari rumah ke rumah masyarakat Orang Asli (Temu bual Ustaz Hashim bin Salleh. 2014).

Di samping itu, terdapat juga sebahagian pendakwah/ PMOA yang tidak mempunyai jatidiri yang kuat untuk menjalani kehidupan bersama-sama masyarakat Orang Asli di perkampungan mereka. Oleh sebab masyarakat Orang Asli masih lagi berpegang kepada adat mereka, kadangkala pendakwah/ PMOA disihir oleh Orang Asli, sehinggakan ada sebahagiannya hampir gila. Ini menjadikan pendakwah/ PMOA mengalami tekanan hidup. Hal ini menyebabkan timbulnya pelbagai masalah dalam proses berdakwah. Menurut pendapat Syed Abdulrahman bin Syed Husin (2010:157), seseorang pendakwah itu perlu memiliki kemampuan ilmu, ketahanan mental, fizikal serta kerohanian yang kuat di samping mempunyai pengetahuan tentang bagaimana membentuk dan mempelbagaikan method dan pendekatan dakwahnya melalui *uslub*, *wasail* dan lain-lain berasaskan kepelbagaian sasarannya (Temu bual Ustaz Hashim bin Salleh. 2014).

2. Cabaran Luaran

a) Sikap Masyarakat Melayu Berjiran

Masyarakat Melayu yang hidup berjiran dengan Masyarakat Orang Asli seharusnya menunjukkan contoh dan teladan yang baik kepada mereka. Sikap tersebut dapat mendorong mereka tertarik untuk mengamalkan nilai-nilai murni yang digariskan dalam Islam. Tetapi apa yang berlaku, orang Melayu sendiri tidak menunjukkan perilaku yang baik dan terpuji sebaliknya mereka menunjukkan imej kurang baik dengan melakukan perbuatan-perbuatan yang menyimpang daripada ajaran Islam (Temu bual Ustaz Abdullah bin Abd Samad; Che Atikah binti Mat Tahar. 2013).

b) Pandangan Negatif Masyarakat Muslim

Kebanyakan masyarakat Muslim memandang rendah kepada masyarakat Orang Asli dan menganggap kemasukan Islam golongan seperti mereka ini adalah kerana mempunyai tujuan dan kepentingan tertentu. Selain daripada itu, mereka juga dianggap sebagai orang Islam kelas kedua.

Masalah lain lagi yang terpaksa dihadapi oleh masyarakat Orang Asli adalah pandangan masyarakat Melayu yang mahu melihat mereka menghayati ajaran Islam seperti mereka dengan mengamalkan secara keseluruhan amalan dan budaya Islam (termasuk juga corak dan gaya hidup Melayu). Apabila mampu hidup seperti orang Melayu, maka mereka dengan mudah diterima oleh masyarakat Melayu dan begitu jugalah sebaliknya. Fenomena ini berlaku kerana secara umumnya masyarakat (sama ada Melayu atau lain-lainnya) telah menganggap bahawa masuk Islam itu adalah masuk Melayu (Temu bual Ustaz Abdullah bin Abd Samad 2013.)

c) Ancaman Kristianisasi

Persaingan hebat terhadap perkembangan dakwah dalam kalangan masyarakat Orang Asli ialah pengaruh gerakan misionari Kristian. Isu ini dalam kalangan masyarakat Orang Asli adalah tidak asing lagi. Masyarakat Orang Asli yang taraf hidup mereka di bawah garis kemiskinan begitu mudah terpedaya dan terpengaruh dengan unsur-unsur material yang di bawa oleh misionari Kristian (Temu bual Ustaz Hashim bin Salleh. 2014).

3. Cabaran Golongan Sasaran Sendiri

a) Tahap Pendidikan

Masyarakat Orang Asli kebanyakannya adalah buta huruf dan tahap pemikiran mereka adalah rendah kerana tidak mendapat pendidikan secara formal terutama sekali bagi golongan tua. Keadaan ini menyebabkan mereka kurang berfikir dan sukar memahami apa yang disampaikan oleh pendakwah. Menurut Syed Abdulrahman bin Syed Hussin (2010: 178), berdakwah kepada mereka tidak semudah berdakwah kepada kaum-kaum lain yang mempunyai tahap pemikiran

yang tinggi. Keadaan tersebut menyebabkan mesej dakwah sukar untuk disampaikan kepada golongan tersebut. Oleh itu, aktiviti dakwah yang dilaksanakan kepada golongan ini perlulah mengikut tahap pemahaman dan pemikiran mereka agar apa yang disampaikan oleh pendakwah dapat sampai kepada sasaran. Begitu juga aktiviti dan program yang dilaksanakan seperti ceramah, dialog dan bengkel-bengkel tidak boleh terlalu formal dan tinggi ilmu pengajarannya. Ini kerana masyarakat Orang Asli tidak dapat menerima hal-hal agama secara terus kerana merasakan sukar difahami dan berat ilmu pengajarannya (Temu bual Ustaz Nor Asmadi bin Mohamad: 2013).

b) Taraf Hidup / Kemiskinan Masyarakat Orang Asli

Masyarakat Orang Asli sememangnya bergantung hidup dengan mencari rezeki daripada sumber-sumber alam seperti berburu, bertani, menangkap ikan dan mencari hasil hutan seperti rotan dan kayu gaharu. Keadaan ini menyebabkan mereka tidak banyak berada di kampung sebaliknya ke luar masuk ke hutan dalam tempoh yang panjang. Oleh yang demikian pendedahan kepada kelas pengajaran dan bimbingan yang terdapat di perkampungan mereka tidak dapat diikuti sepenuhnya dan sudah tentu usaha-usaha dakwah tidak dapat disampaikan kepada golongan sasaran (Temu bual Ustaz Hashim bin Salleh. 2014).

c) Sikap Rendah Diri

Sikap rendah diri masih lagi menebal dalam diri masyarakat Orang Asli. Ini dapat dilihat apabila terdapat program yang dianjurkan di perkampungan Orang Asli, mereka masih tidak mahu keluar dari rumah dan bergaul dengan orang ramai. Hanya remaja dan kanak-kanak sahaja yang sentiasa turut serta dalam aktiviti yang dianjurkan. Hal ini diakui oleh Syed Abdurahman bin Syed Hussin (2010: 178), beliau mengatakan bahawa sikap Orang Asli memang suka mengasingkan diri dan tidak mahu mendekati orang lain atau pendakwah yang datang kerana mereka merasa rendah diri dan menganggap masyarakat lain amat tinggi martabatnya. Keadaan ini menyebabkan mereka merasa malu untuk bercampur gaul dengan orang lain.

d) Minda Tertutup Masyarakat Orang Asli

Masyarakat Orang Asli amat berpegang teguh dengan kepercayaan dan adat resam daripada nenek moyang mereka dan bukan mudah untuk mereka menerima sesuatu yang berlainan atau berlawanan dari pegangan asal mereka. Kepercayaan animisme yang diwarisi begitu menebal dalam jiwa mereka dan sukar untuk dihakis kerana telah sebatu dengan jiwa mereka terutamanya di kalangan generasi tua. Kepercayaan yang berkait dengan kuasa ghaib dan semangat masih lagi menebal di kalangan Orang Asli (Syed Abdurahman bin Syed Hussin. 2010: 175)

Hal ini adalah kerana sikap mereka sendiri yang kurang berminat dengan ajaran Islam yang dibawa. Mereka lebih selesa hidup dengan cara mereka yang masih kuat berpegang dengan ajaran nenek moyang mereka. Sudah tentu hal sedemikian menjadi cabaran kepada JAKIM untuk berdakwah kepada mereka.

e) Ketidaksediaan Masyarakat Orang Asli Menerima Perubahan yang dibawa

Cabaran dari aspek penghayatan ajaran agama Islam adalah salah satu cabaran yang sukar oleh JAKIM ketika berhadapan dengan masyarakat Orang Asli. Penghayatan agama sememangnya banyak bergantung kepada komitmen golongan sasaran. Walaupun penerangan dan pengetahuan telah diberikan melalui aktiviti dan program dakwah yang dilaksanakan, namun kadangkala kedapatan golongan sasaran yang tidak bersedia menerima perubahan yang dibawa walaupun ianya selari dengan kehendak dan tuntutan Islam (Temu bual Ustaz Nor Asmadi bin Mohamad Nor 2013).

KESIMPULAN

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, apabila diteliti sememangnya JAKIM telah memberi sumbangan yang besar di dalam perkembangan dakwah Orang Asli di Malaysia masa kini. Pelbagai program dan bantuan kepada masyarakat Orang Asli dilaksanakan semata-mata untuk memberi bimbingan dan sokongan dalam memahami serta mendalami ajaran Islam yang disyariatkan oleh Allah S.W.T ini, tetapi minat mereka kepada agama Islam masih tidak begitu kelihatan dan tidak banyak berubah.

Meskipun terdapat beberapa kejayaan dalam usaha dakwah kepada golongan tersebut, namun masih tidak boleh dibanggakan lagi. Sehingga kini belum banyak terdapat tanda-tanda yang memperlihatkan peningkatan dalam penghayatan ajaran Islam. Keadaan ini memperlihatkan bahawa usaha-usaha dakwah tersebut masih belum mencapai matlamat sebagaimana yang dikehendaki. Ini berdasarkan kenyataan yang dibuat oleh Ramle Abdullah & Azlina Abdullah (2013:16), yang mengatakan sungguhpun pelbagai aktiviti telah dilaksanakan kepada masyarakat ini, apabila dilihat dari sudut kualiti dalam penghayatan ajaran Islam dalam kalangan mereka yang telah beragama Islam, rata-ratanya masih di tahap minima. Malah ada di kalangan mereka yang menganggap agama Islam hanya sebagai 'label' rasmi status agama dalam konteks hubungan dengan masyarakat luar. Sedangkan hakikatnya mereka masih terus menjalani kehidupan dengan berlandaskan kepercayaan animisme yang diwarisi sejak turun temurun.

Begitu juga kenyataan yang dibuat oleh Zakuan Sawai (1998), yang mengatakan bahawa transformasi minda selepas memeluk Islam tidak menampakkan perubahan yang besar, sebaliknya perubahan hanyalah dari segi iktikad kepercayaan mereka sahaja dari kepercayaan animisma kepada aqidah Islamiah. Dalam kehidupan harian mereka masih lagi berpegang kuat kepada amalan tradisi warisan nenek moyang mereka.

Ini jelas menunjukkan tahap kesedaran dan penghayatan Islam dalam kalangan masyarakat Orang Asli masih belum menyeluruh. Fenomena ini adalah sesuatu yang perlu dihadapi dan ditangani oleh JAKIM agar dakwah yang disampaikan tidak terus di pandang sepi oleh golongan sasaran. Ini kerana telah banyak peruntukan kewangan dibelanjakan, begitu juga banyak masa dan tenaga telah dicurahkan semata-mata untuk menyebarkan dakwah Islamiah dalam kalangan masyarakat Orang Asli.

Oleh yang demikian usaha untuk membentuk sebuah masyarakat berlandaskan perintah Allah bukanlah satu usaha yang mudah. Usaha yang bersungguh-sungguh dan berterusan perlu digembeling agar matlamat yang diharapkan akan tercapai, iaitu lahirnya masyarakat yang bertaqwa kepada Allah.

RUJUKAN

Abdullah bin Abd Samad. Penggerak Masyarakat Orang Asli Negeri Terengganu. Kampung Sungai Sayap, Besut. Temubual pada 4 November 2013.

Che Atikah binti Mat Tahar. Penggerak Masyarakat Orang Asli Negeri Terengganu. Kampung Sungai Berua, Hulu Terengganu. Temubual pada 4 November 2013.

D.O.A. 1994. *Cabaran Pembinaan Insaniyyah Masyarakat Orang Asli*. Kertas Kerja Muzakarah Penyelarasan Aktiviti Dakwah Di Kalangan Orang Asli Peringkat Negeri Pahang, di Kebana Resort Kuantan

Hashim bin Salleh. Ketua Penolong Pengarah Kanan Cawangan Dakwah Khas JAKIM. Temubual pada 21 Februari 2014.

Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). 2011. *Mesyuarat Perancangan Kemajuan Orang Asli melalui Program Kerjasama JAKIM – JAKOA*. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

JAKIM. 2013. *Mesyuarat Penyelaras dan Ketua Penyelaras Negeri-negeri, Dakwah Khas JAKIM Bil. 1/2013*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

_____. *JAKIM 4 Dekad Memacu Transformasi Pengurusan Hal Ehwal Islam*. 2012. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

_____. 2012. *Kertas Kerja Dakwah Cawangan Khas*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

_____. 2012. *Laporan Taklimat Pengarah Bahagian Dakwah Khas*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

_____. 2011. *Laporan Tahunan Tahun 2011*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

_____. 2009. *Pelan Strategik 2009-2014*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

_____. 2003. *Sambutan 35 Tahun JAKIM 1968 - 2003*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. @

- Mohamad Mohadis Yasin. 2005. *Penyelarasan Pentadbiran Hal Ehwal Islam Malaysia : Kajian Di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)*. Disertasi Sarjana Usuluddin yang diserahkan kepada Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Nor Asmadi bin Mohamad Nor. Penyelaras Penggerak Masyarakat Orang Asli Negeri Terengganu. JaHEAT, Kompleks Seri Iman: Kuala Terengganu. Temubual pada 20 November 2013.
- Nordin Ahmad. 1998. *Dakwah Orang Asli di Semenanjung Malaysia : Kajian Khusus Terhadap Rumpun Bangsa Temuan Di Negeri Selangor*. Disertasi Sarjana Usuluddin yang diserahkan kepada Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Ramle Abdullah dan Azlina Abdullah. 2012. *Masyarakat Orang Asli Terengganu Dari Sudut Ekonomi, Kesihatan Dan Agama*. Laporan Kajian. Universiti Sultan Zainal Abidin: Terengganu
- Razaleigh bin Muhamat @ Kawangit. 2003. *Dakwah Orang Asli: Suatu Pengalaman Pengislaman*. Jurnal Kemanusiaan. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn. Jilid 1. Bilangan 1. Penerbit: Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUITTHO).
- Ruhiah Binti Abd Rahman. 2004. *Program Dakwah Pusat Pembangunan Tamadun Masyarakat Orang Asli Pahang (PETAMA) Masalah Dan Penyelesaiannya*. Disertasi Sarjana Usuluddin yang diserahkan kepada Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Syed Abdurahman bin Syed Hussin. 2010. *Dakwah Kepada Orang Asli Di Malaysia: Permasalahan Dan Halangan*. Jurnal Usuluddin.
- Zakuan Sawai. 1998. *Dakwah Islamiah Kepada Orang Asli : Kajian Khusus Mengenai Transformasi Minda Masyarakat Semai Selepas Memeluk Islam*. Disertasi Sarjana Usuluddin yang diserahkan kepada Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur
- www.islam.gov.my/bhg/bahagian-dakwah/main: 25 Ogos 2013.
- www.islam.gov.my/sejarah-jakim: 25 Ogos 2013.
- www.islam.gov.my/senarai-cawangan-dan-bahagian-di-jakim: 25 Ogos 2013